

SYARAT-SYARAT AKSES

Akses kepada laman web ini diberikan oleh OCBC BANK (MALAYSIA) BERHAD (juga dikenali sebagai "Bank OCBC") dan anak-anak syarikatnya dan syarikat-syarikatnya yang berkaitan yang diwakili di laman web ini (juga dikenali sebagai 'Kumpulan OCBC' secara individu dan kolektif dengan Bank OCBC) tertakluk kepada syarat-syarat yang berikut.

DENGAN MELAYARI LAMAN WEB INI DAN SEBARANG HALAMAN YANG SETERUSNYA, ANDA BERSETUJU UNTUK TERTAKLUK KEPADA TERMA DAN SYARAT DI BAWAH. JIKA ANDA TIDAK BERSETUJU KEPADA TERMA DAN SYARAT-SYARAT DI BAWAH, SILA JANGAN MENGAKSES, ATAU BERHENTI MENGAKSES LAMAN WEB ATAU SEBARANG HALAMANNYA DENGAN SERTA MERTA.

Rujukan kepada 'anda', 'kamu' dan 'anda punya' adalah merujuk kepada seorang atau beberapa orang yang melayari laman web ini. Rujukan kepada 'kami', 'kita' 'kami punya' adalah merujuk kepada Kumpulan OCBC. Keterangan ini disertakan untuk tujuan kemudahan sahaja.

Maklumat, bahan, fungsi-fungsi dan kandungan yang disediakan di laman web ini dan Syarat-Syarat Akses seperti yang tertera disini boleh ditukar dari masa ke masa dengan notis terpulang kepada pertimbangan mutlak Kumpulan OCBC. Jika terdapat variasi atau perubahan pada pemerhatian kami, sebahagian besar daripada ciri-ciri dan bahan-bahan yang mengganggu akses anda ke laman web ini, akan kami maklumkan iaitu mengenai variasi atau perubahan tersebut dengan memberi notis tujuh (7) hari sebelumnya yang akan dipaparkan di laman web kami atau dengan sebarang cara lain yang dianggap sesuai, melainkan kami tidak dapat berbuat demikian disebabkan oleh keadaan di luar kemampuan kami. Sekiranya variasi tersebut tertakluk kepada Syarat-Syarat Akses ini, akses berterusan ke laman web ini berikutan dengan variasi tersebut akan dianggap sebagai persetujuan anda dan mewajibkan penerimaan tersebut.

PERLAKUAN ANDA

Anda sentiasa perlu mematuhi sebarang peraturan, arahan dari OCBC atau sebarang undang-undang, peraturan atau peruntukan yang berpatutan dan anda bersetuju bahawa anda tidak akan mengeksploitasi atau menyalahgunakan laman web atau perkhidmatan ini dengan apa-apa cara semasa mengakses halaman web ini. Tanpa prasangka terhadap keumuman sebelumnya, anda tidak akan atau membantu sebarang orang lain untuk menggoda ke dalam atau mendapatkan akses yang tidak diiktiraf untuk laman web ini atau sebarang perkhidmatan di sini atau mengganggu akses dan penggunaan orang lain. Selanjutnya, anda bersetuju bahawa anda tidak akan atau membantu orang lain untuk menghantar komunikasi, maklumat atau bahan-bahan yang akan mengakibatkan kerugian kepada hak-hak kami atau hak-hak orang lain, yang bertentangan moral, yang mengakibatkan kerugian kepada sistem perbankan kami atau keselamatan sistem perbankan internet kami atau sebarang yang bertentangan dengan undang-undang.

PENOLAKAN JAMINAN DAN KEWAJIPAN

Keterangan yang berikutnya mengecualikan atau membataskan kewajipan undang-undang kami terhadap laman web ini. Anda perlu membacanya dengan teliti.

Tiada Jaminan

Sementara kami menggunakan usaha yang perlu untuk memastikan ketepatan, pembaharuan, ketersediaan, kebenaran dan kelengkapan (di dalam konteks tujuannya) maklumat dan bahan-bahan yang terkandung di dalam laman web ini, semua maklumat dan bahan-bahan termasuk yang terdapat dalam perkhidmatan, produk-produk, maklumat kewangan, data, teks, grafik, audio, video, link atau perkara-perkara yang lain akan disediakan secara tegas 'seperti ini', dan 'seperti yang ada' dan juga disediakan untuk maklumat dan rujukan anda sahaja. Oleh sebab itu, Kumpulan OCBC tidak menjamin ketepatan, kecukupan atau kelengkapan maklumat dan bahan-bahan tersebut dan secara jelas tidak mempunyai kewajipan ke atas kesilapan atau ketertinggalan sebarang maklumat dan bahan-bahan. Oleh itu, penggunaan tersebut adalah di atas risiko sendiri. Tiada jaminan terhadap sebarang jenis, tersirat, tertera atau yang menurut undang-undang, termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang jaminan hak, tidak melanggar hak pihak ketiga, jualbeli, kepuasan kualiti, kesesuaian untuk tujuan tertentu dan kebebasan daripada virus-virus komputer, diberikan sehubungan dengan laman web ini, atau sebarang maklumat dan bahan-bahan di dalamnya. Tiada jaminan diberi bahawa akses kepada sebarang maklumat atau bahan-bahan di dalam laman web ini atau laman web ini secara keseluruhan akan diberi dengan berterusan atau bebas dari kesalahan atau sebarang ketidaksempurnaan yang dikenalpasti akan dibetulkan. Seterusnya, tiada jaminan diberi bahawa laman web ini atau sebarang maklumat atau bahan-bahannya adalah bebas daripada sebarang virus atau kod pemusnah, kod perosak atau berbahaya,

agen, program atau 'macro'. Kami tidak membuat sebarang perwakilan atau jaminan berkenaan ketepatan, fungsi atau prestasi sebarang perisian pihak ketiga yang mungkin digunakan berhubung dengan laman web ini.

RUANG LINGKUP KEGUNAAN LAMAN WEB

Pengguna yang dimaksudkan

Pada masa kini, laman web ini (dan khasnya sebarang perkhidmatan perbankan yang diberi melalui laman web ini) adalah bertujuan untuk mereka yang mengaksesnya di dalam Malaysia sahaja dan tidak ditafsirkan sebagai Kumpulan OCBC yang memberi perkhidmatan dan kemudahan perbankan diluar Malaysia. Bahan-bahan dan maklumat di dalam laman web ini tidak bertujuan untuk kegunaan mereka yang berada didalam atau penduduk di dalam bidang kuasa yang menyekat pengedaran bahan-bahan atau maklumat tersebut dan kami tidak menjamin bahawa laman web ini mematuhi atau adalah sesuai untuk digunakan di tempat-tempat diluar Malaysia. Anda diminta untuk mengetahui dan mematuhi sebarang undang-undang, peraturan dan amalan-amalan tempatan sama ada berkenaan dengan batasan atau sebaliknya dan juga penggunaannya adalah atas situasi individual yang tertentu.

Tanpa mengganggu keumuman yang ternyata di atas, sebarang maklumat atau bahan berkenaan keselamatan (termasuk amanah saham), deravatif kewangan/instrumen dan perkhidmatan pertukaran mata wang asing adalah bertujuan sebagai maklumat umum kepada orang-orang didalam Malaysia sahaja.

Tiada apa-apa di dalam laman web ini boleh dianggap sebagai nasihat atau pengesyoran terhadap keselamatan, deravatif kewangan/instrumen atau transaksi pertukaran mata wang asing atau sebarang tawaran atau permohonan untuk membeli sebarang keselamatan, instrumen kewangan atau kemasukan kedalam deravatif kewangan atau transaksi pertukaran mata wang asing. Anda sentiasa perlu mendapatkan nasihat pakar dan mendapatkan pengesahan tentang bahan-bahan dan maklumat yang diberi didalam laman web ini sebelum membuat sebarang pelaburan, keputusan perniagaan atau komersil atas bahan-bahan atau maklumat tersebut.

Adalah tanggungjawab anda sepenuhnya untuk penggunaan laman web ini secara sendiri dan/atau sesiapa yang menggunakan komputer anda dan anda mesti memastikan bahawa orang tersebut mematuhi terma dan syarat-syarat ini. Jikalau undang-undang kawasan bidang kuasa anda tidak membenarkan atau memaksa halangan keatas akses kepada kandungan laman web ini, anda perlu serta merta berhenti mengakses atau mematuhi halangan sedemikian (seperti yang mungkin)

HAK CIPTA DAN CAP DAGANG

Hak cipta laman web ini dimiliki oleh Kumpulan OCBC.

Mana-mana bahagian daripadanya tidak boleh direka semula, diedarkan, diterbit semula, dipaparkan, disiarkan, diwujudkan 'hyperlink', dirangka atau dihantar dalam sebarang kaedah atau cara atau disimpan di dalam sistem temu kembali maklumat tanpa kebenaran secara bertulis terlebih dahulu daripada Kumpulan OCBC seperti yang diperuntukkan di dalam perenggan 'Terhad untuk Kegunaan Pelanggan dan Pelanggan Berpotensi' di bawah. Anda juga tidak boleh, tanpa kebenaran Kumpulan OCBC, menyertakan 'hyperlink' web ini didalam laman web yang lain, merangka atau 'mencerminkan' sebarang bahan terkandung di dalam laman web ini ke atas sebarang komputer pelayan.

Semua teks, grafik, gambar, seni, foto, video atau kerja multimedia yang lain atau sebarang gabungannya yang terdapat di dalam laman web ini dilindungi hak cipta, cap dagang dan tanda perkhidmatan dan sebarang Harta Intelek atau hak pemilikan, dimana semuanya adalah hak milik Kumpulan OCBC dan dimana berkaitan, pemilikan pihak ketiga. Tiada hak atau lesen diberikan kepada sebarang pihak yang mengakses laman web ini untuk memuat turun, mereka semula atau menggunakan kandungannya. Tiada cap dagang atau tanda perkhidmatan yang dipaparkan dilaman web ini boleh digunakan sebagai link kepada sebarang halaman ahli Kumpulan OCBC atau mana-mana halaman yang lain kecuali link tersebut dipakai untuk kegunaan cap dagang atau tanda perkhidmatan yang telah diluluskan oleh Kumpulan OCBC secara bertulis terlebih dahulu.

Terhad untuk Kegunaan Pelanggan dan Pelanggan Berpotensi

Jika anda adalah pelanggan atau pelanggan berpotensi Kumpulan OCBC, anda boleh mencetak, menyalin, muat turun atau simpan sementara daripada laman web ini, khususnya untuk maklumat

peribadi tanpa perubahan dilakukan, apabila anda menggunakan atau mempertimbangkan penggunaan produk dan perkhidmatan kami untuk halaman atau ekstrak daripada laman web yang berkenaan.

Tiada pemberian hak-hak

Sebarang hak yang tidak diberikan secara khusus adalah sandaran.

LINK

Link ke halaman yang lain

Sekiranya kami menyediakan link '*hyperteks*' ke lokasi lain di Internet, kami berbuat demikian untuk tujuan maklumat sahaja. Tiada sokongan atau kelulusan daripada pihak ketiga atau nasihat, pendapat, maklumat, produk atau perkhidmatan mereka diketahui atau tersirat disebalik sebarang maklumat dilaman web ini. Kami tidak bertanggungjawab terhadap kandungan sebarang laman web yang lain atau ekstrak daripada link atau halaman yang tersambung kepada atau menyambungkan laman web ini atau sebarang produk dan perkhidmatan yang diberi didalam laman web, link atau halaman sebegini. Kami tidak mengesahkan kandungan sebarang laman web sebegini. mengikut link ke sebarang laman web atau halaman yang lain adalah atas risiko anda sendiri dan kami tidak akan bertanggungjawab atau berkewajipan untuk sebarang ganti rugi atau dalam apa jua cara yang berkenaan dengan link.

Perisian boleh muat turun

Link untuk halaman perisian boleh dimuat turun adalah untuk kemudahan sahaja dan kami tidak bertanggungjawab atau berkewajipan untuk sebarang kesulitan atau kesudahan berkaitan dengan perisian muat turun tersebut. Penggunaan sebarang perisian yang dimuat turun tertakluk kepada terma perjanjian lesen, jika ada, dimana ia berserta atau diberi bersama perisian tersebut.

PERLINDUNGAN/PENGGUNAAN DATA PERIBADI

Polisi data kami

Kami mungkin menyimpan maklumat peribadi anda yang diperolehi apabila anda mengakses laman web ini dan menggunakannya untuk meningkatkan hubungan kami dengan anda dan untuk mengenalpasti produk dan perkhidmatan yang mungkin sesuai kepada anda daripada Kumpulan OCBC, dan untuk menilai keberkesanan pemasaran laman web kami dan untuk analisis statistik. Kami mungkin memberi maklumat ini kepada ahli lain daripada Kumpulan OCBC, bank utama Bank OCBC dan anak-anak syarikatnya dan syarikat-syarikat yang berkaitan supaya mereka boleh berbuat sebegini dan mereka juga boleh memberi maklumat anda yang dipegang oleh mereka kepada kami supaya kami boleh berbuat sebegini. Kami tidak akan mendedahkan sebarang maklumat sebegini diluar Kumpulan OCBC kecuali anda memberi persetujuan untuk pendedahan tersebut, dimana ia diperlukan / diwajibkan oleh undang-undang, peraturan atau sebarang arahan atau perintah yang lain oleh sebarang pihak berkuasa yang mempunyai bidang kuasa atas kami, dimana ia adalah untuk memberi kesan kepada arahan yang diberikan oleh anda, untuk memberi anda perkhidmatan tersebut, untuk menguatkuasa dan melindungi hak dan harta atau sebarang peruntukan kami daripada Syarat-Syarat Akses, atau, dimana ia diperlukan dan dibawah keperluan kerahsiaan yang tegas, untuk sub-kontraktor atau orang-orang yang menjadi agen kami. Sila lihat Dasar Sulit kami untuk maklumat lanjut tentang bagaimana kami menjaga maklumat peribadi anda.

KESELAMATAN MESEJ-MESEJ

Mesej-mesej yang dihantar atas risiko pengguna

Mesej-mesej yang dihantar melalui Internet tidak boleh dijamin selamat sepenuhnya kerana ia bergantung kepada kemungkinan gangguan atau kehilangan atau perubahan.

Kami tidak bertanggungjawab terhadap dan tidak akan berkewajipan terhadap anda atau sesiapa untuk sebarang ganti rugi atau melainkan mesej yang dihantar oleh anda kepada Kumpulan OCBC atau mesej yang dihantar oleh Kumpulan OCBC kepada anda melalui Internet.

GANTI RUGI

Anda dengan ini memberi persetujuan yang tidak boleh ditarik balik untuk terus menjamin Kumpulan OCBC daripada semua kewajipan, tuntutan, kerugian dan pembayaran, termasuk sebarang bayaran guaman atas jaminan secara penuh, yang mungkin dihadapi oleh Kumpulan OCBC atau salah seorang ahli daripadanya berkaitan dengan atau timbul kerana

- penyalahgunaan laman web dan perkhidmatan yang diberikan disini oleh anda dan; samaada secara sengaja atau sebaliknya, atau
- anda melanggar terma dan syarat-syarat tanpa mengambil kira bagaimana ia berlaku, atau
- sebarang hak harta intelek atau hak milik atau tuntutan kesalahan yang dibuat oleh pihak ketiga terhadap Kumpulan OCBC berkaitan dengan penggunaan laman web oleh anda

LAIN-LAIN

Tiada Kekecualian

Kegagalan Kumpulan OCBC untuk menggunakan atau melaksanakan sebarang hak atau peruntukan terma dan syarat-syarat tidak akan memberi kekecualian hak atau peruntukan tersebut.

Penamatan

Jika mana-mana bahagian daripada terma dan syarat-syarat ini ditentukan sebagai tidak sah atau tidak dapat dilaksanakan mengikut undang-undang yang berpatutan, maka peruntukan yang tidak sah dan tidak dapat dilaksanakan itu akan dianggap digantikan oleh peruntukan yang sah; dapat dilaksanakan yang paling sesuai kepada tujuan peruntukan yang asal, tanpa membatalkan sebarang peruntukan dari terma dan syarat lain yang tersebut.

UNDANG-UNDANG DAN BIDANG KUASA

Dengan melayari laman web ini dan/atau menggunakan perkhidmatan yang ditawarkan melalui laman web ini, anda bersetuju bahawa undang-undang Malaysia

- akan mengawasi akses tersebut dan peruntukan perkhidmatan tersebut, dan
- akan bepatutan dalam tafsiran terma dan syarat disini, dan makahmah Malaysia di Kuala Lumpur mempunyai bidang kuasa tidak eksklusif mengenai sebarang perselisihan yang boleh berlaku